

## Kempen PTPTN Cabutan Siri WOW! Superheroes tawar hadiah RM100,000

**PETALING JAYA** – Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) menawarkan hadiah lumayan berupa wang tunai keseluruhan berjumlah RM100,000 untuk 181 orang pemenang yang menyertai Kempen Cabutan Siri WOW! Superheroes 2024.

Tawaran hadiah tersebut bakal dimiliki oleh seorang pemenang bernilai RM10,000, manakala hadiah saguhati berjumlah RM500 untuk setiap 180 pemenang.

Kempen tersebut terbuka kepada semua pendeposit Skim Simpanan Pendidikan Nasional (Simpan SSPN) iaitu Simpan SSPN Prime dan Simpan SSPN Plus yang telah bermula sejak 1 September lalu sehingga 31 Oktober depan.

Ketua Eksekutif PTPTN, Ahmad Dasuki Abdul Majid berkata, ibu bapa yang menabung seawal usia anak masih kecil boleh dianggap sebagai *superhero*.

Ujarnya, ibu bapa merupakan

individu yang bertanggungjawab menyediakan sumber kewangan dan perancang utama masa depan anak-anak termasuk pendidikan pengurusan kewangan.

"Kekallah menjadi *superhero* sepanjang masa untuk masa depan anak dengan adaperancangan kewangan di awal usia bagi memastikan generasi masa hadapan mereka mendapat pendidikan sempurna," katanya dalam kenyataan semalam.

Tambah Ahmad Dasuki, pendeposit bakal menikmati pelbagai keistimewaan dan manfaat menerusi Simpan SSPN selain berpeluang untuk memenangi hadiah yang lumayan sepanjang menyertai kempen ini.

"Simpan SSPN merupakan satu-satunya produk simpanan yang menawarkan pelepasan taksiran cukai pendapatan ke atas simpanan bersih sehingga RM8,000 setahun.

"Selain itu ia memberikan perlindungan takaful ke atas pende-



**PTPTN tawarkan hadiah lumayan keseluruhan RM100,000 melalui Cabutan WOW!**

posit, Geran Sepadan sehingga RM10,000 untuk satu keluarga yang layak, dividen yang kompetitif, simpanan yang dijamin kerajaan dan patuh syariah,"

ujarnya.

Bagi menyertai kempen ini, pendeposit perlu membuka akaun atau membuat penambahan simpanan dalam tempoh kempen.

## Kempen PTPTN Cabutan Siri WOW! Superheroes tawar hadiah RM100.000

PETALING JAYA - Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) menawarkan hadiah lumayan berupa wang tunai keseluruhan berjumlah RM100,000 untuk 181 orang pemenang yang menyertai Kempen Cabutan Siri WOW! Superheroes 2024. Tawaran hadiah tersebut bakal dimiliki oleh seorang pemenang bernilai RM10.000, manakala hadiah saguhati berjumlah RM500 untuk setiap 180 pemenang. Kempen tersebut terbuka kepada semua pendeposit Skim Simpanan Pendidikan Nasional (Simpan SSPN) iaitu Simpan SSPN Prime dan Simpan SSPN Plus yang telah bermula sejak 1 September lalu sehingga 31 Oktober depan. Ketua Eksekutif PTPTN, Ahmad Dasuki Abdul Majid berkata, ibu bapa yang menabung seawal usia anak masih kecil boleh dianggap sebagai *superhero*. Ujarnya, ibu bapa merupakan individu yang bertanggungjawab menyediakan sumber kewangan dan perancang utama masa depan anak-anak termasuk pendidikan pengurusan kewangan. "Kekallah menjadi *superhero* sepanjang masa untuk masa depan anak dengan adaperancangan kewangan di awal usia bagi memastikan generasi masa hadapan mereka

mendapat pendidikan sempurna," katanya dalam kenyataan semalam. Tambah Ahmad Dasuki, pendeposit bakal menikmati pelbagai keistimewaan dan manfaat menerusi Simpan SSPN selain berpeluang untuk memenangi hadiah yang lumayan sepanjang menyertai kempen ini. "Simpan SSPN merupakan satu-satunya produk simpanan yang menawarkan pelepasan taksiran cukai pendapatan ke atas simpanan bersih sehingga RM8.000 setahun. "Selain itu ia memberikan perlindungan takaful ke atas pendeposit, Geran Sepadan sehingga RM10,000 untuk satu keuarga yang layak, dividen yang kompetitif, simpanan yang dijamin kerajaan dan patuh syariah," Ujarnya. Bagi menyertai kempen ini, pendeposit perlu membuka akaun atau membuat penambahan simpanan dalam tempoh kempen.